

16 JAN 2004

Agong-Seni

AGONG RASMI PUSAT KESENIAN DAN KEBUDAYAAN USM ABN AMRO

PULAU PINANG, 16 Jan (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail hari ini berkenan memasyhurkan Pusat Kesenian dan Kebudayaan Universiti Sains Malaysia (USM) ABN AMRO di Lebu Pantai di sini.

Keberangkatan Seri Paduka dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, yang juga Canselor universiti itu, disambut oleh Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Naib Canselor Prof Datuk Dzul kifli Abdul Razak dan Pengerusi Lembaga Pengarah USM Tan Sri Ani Arope.

Pusat itu, yang memberikan maklumat terhadap perkembangan kesenian dan kebudayaan negara sebagaiimbangan penting dalam pendidikan berteraskan sains dan teknologi, diwujudkan dengan kerjasama USM serta bank saudagar, ABN AMRO.

Pada majlis itu, Seri Paduka berkenan memalu gong sebanyak tiga kali sebagai tanda permasyhuran pusat berkenaan sebelum berangkat menyaksikan pameran canselor dan juga senjata Melayu.

Ketika bertitah pada majlis itu, Tuanku Fauziah mahu supaya seni dan budaya pelbagai kaum diajar semula bagi memupuk serta menyemai nilai-nilai tradisi dan ikatan perpaduan sesama masyarakat.

Baginda bertitah seni dan budaya bangsa harus dipertahankan serentak dengan usaha untuk terus berjaya dalam bidang sains dan teknologi.

"Usaha untuk membawa kembali pelbagai aspek seni dan budaya kita yang hampir pupus amat wajar sekali dan dengan adanya pusat ini, masyarakat dapat melihat dari dekat malah ikut belajar dan mempopularkan semula budaya dan kesenian bangsa itu," titah baginda.

Seri Paduka juga yakin pusat ini dapat dimajukan dengan lebih berkesan dan menempatkan pameran-pameran yang boleh menambah pengetahuan.

Sementara itu, Dzul kifli berkata USM sedang merancang pelbagai aktiviti

dan pameran pembangunan intelektual di bahagian utara, seni pakaian dan hasil penyelidikan USM yang berkaitan dengan kesenian.

USM juga akan mengadakan Pameran Seribu Wajah Tun Dr Mahathir Mohamad sempena penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada beliau pada konvokesyen universiti itu Ogos ini.

Seri Paduka berdua berada di negeri ini untuk menghadiri beberapa acara anjuran universiti, antaranya Malam Sanggar Sanjung pada malam ini dan juga perasmian temasya olahraga tahunan ke-30 USM oleh Raja Permaisuri Agong pada keesokan harinya.

-- BERNAMA

ZU ROS